BPMP SANA-SINI

Edisi Februari | 2021

Oleh : Cawangan Kajian & Pengurusan Informasi BPMP





Ceramah CRM Program CeIO Siri 3 Bil.1/2021

Ceramah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) kepada 65 orang peserta Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 3 Bil 1/2021 (Syarikat Berkaitan Kerajaan - GLC) telah diadakan bermula 24 hingga 25 Februari 2021. Ceramah telah disampaikan oleh PKPj Zakiah Hassan dan dibantu empat orang fasilitator iaitu P/PKPj Farah Najwa Abdul Aziz, PsK Ku Syazwani Ku Azmi, P/Ps Syed Nasrun Syed Mohamad Nordin dan PKPs Norhaida Ismail. Bengkel ini dilaksanakan menggunakan *Go Training Learning Management System* iaitu pembelajaran secara atas talian.

Sesi Pra-Khidmat Nasihat Berhubung Proses Perolehan Darurat Kepada KKM & MOF

Sesi Pra-Khidmat Nasihat berhubung proses perolehan darurat di bawah Pekelilling Perbendaharaan (PB) 3.3 – Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan perolehan darurat (AP 173.2) bagi pembekalan topeng muka jenis N95-3M serta mesin ventilator oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 24 Februari 2021 secara dalam talian. Sesi yang dipengerusikan oleh KPKPj Zuridah Mamat dan dibentangkan oleh PKPj Wan Mohamad Wan Drahman ini telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan KKM dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Pemeriksaan Berhubung Proses Perolehan Secara Sebut Harga di Penjara Kluang

Sesi pemeriksaan berhubung proses perolehan secara sebut harga di Penjara Kluang telah diadakan di Ibu Pejabat Penjara Malaysia pada 24 Februari 2021. Pemeriksaan ini diadakan bagi mengenalpasti isu dan kelemahan berkaitan proses pemilihan sebut harga di kalangan pemilik syarikat yang sama. Sesi dihadiri oleh Pengarah Penjara Kluang Hj Wan Ramzan Wan Ahmad, Pengarah Pembangunan Profesionalisme Penjara Hj Ariffin Mohd Noor manakala BPMP SPRM diketuai oleh PPj Hj. Celemans Kasim, PsK Hamzah Abdullah dan KPKPs Norrita Yaakob.



Mesyuarat KC/KU BPMP & UPMP SPRM Negeri Siri 9 Bil.1 Tahun 2021

Mesyuarat Ketua Cawangan (KC) dan Ketua Unit (KU) Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) serta Unit Pemeriksaan dan Perundingan (UPMP) SPRM Negeri Siri 9 Bil.1 Tahun 2021 telah diadakan secara maya pada 11 Februari 2021. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah BPMP KPKPj Nazli Rasyid Hj. Sulong telah dihadiri oleh para Timbalan Pengarah, KC, KU BPMP serta Ketua UPMP SPRM Negeri-Negeri.

≠ Eksklusif

Corat Coret INTEGRITI

PEMIKIRAN BAHARU **Utusan Malaysia**

Artikel bertajuk "Bukan tangkap, sita semata-mata... " yang merupakan penulisan *'success story'* kedua bagi tahun 2021 oleh Cawangan Kajian dan Pengurusan Informasi (CKPI) telah diterbitkan oleh akhbar Utusan Malaysia keluaran 10 Februari 2021. Usahasama antara Utusan Malaysia dan SPRM dalam membuat hebahan kepada masyarakat bagi kes-kes pemeriksaan dan khidmat nasihat yang mendatangkan impak positif akan diteruskan lagi. CKPI turut menterjemahkan artikel ini ke Bahasa Inggeris dan versi *English* ini dimuatnaik ke Portal SPRM ruangan *'Columnist@MACC'*.

Utusan Malaysia | 10 February 2021 | Page: 14

Bukan tangkap, sita semata-mata...

NAZLI RASYID SULONG

SKANDAL Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) melibatkan penyelewengan bukan ringgit dilaporkan oleh media tempatan pada Oktober 2016.

Penyelewengan dalam pengagihan kontrak dan tender pembinaan serta penyelenggaraan air ini memberi kesan amat buruk bukan sahaja kepada jabatan itu, malahan rakyat.

Sejak 2005 hingga 2016, Kementerian Kewangan Negeri Sabah meluluskan RM4.3 juta Waran Perunthukan Am (WPA) kepada JANS. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 7,389 Surat Kuasa Membelanja Perunthukan bernilai RM2.4 juta diluluskan oleh Pengarah JANS.

Bagaimanapun, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa telah dilakukan oleh pegawai-pegawai terlibat dengan meminta dan menerima komisen antara 27 hingga 33 peratus daripada nilai kerja-kerja kecemasan dan sebut harga kecil ditawarkan kepada kontraktor.

Selain itu, pelantikan kontraktor juga tidak mengikut Arahan Perbendaharaan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.2 Tahun 2009. Pemilihan dibuat terlebih dahulu oleh Juruterа Air Bahagian dengan melantik ejen atau orang perantaraan bagi menggunakan proses tersebut.

Sebahagian besar kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur air oleh JANS dilakukan melalui peroleh kecemasan tanpa melalui prosedur yang banyak atas dasar 'kecemasan'. Ini disebabkan ketiadaan garis panduan atau polisi yang mendefinisikan "kerja kecemasan." Kelemahan tersebut membolehkan semua aduan berkaitan masalah air dikategorikan sebagai kerja kecemasan.

PAIP BOCOR

Pemeriksaan Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) SPRM mendapati, kerja-kerja penyelenggaraan seperti paip bocor, pecah, kerosakan pam, pemindahan meter, pemeriksaan semula bacaan meter dan kes penyambungan air secara haram dikategorikan sebagai kerja kecemasan. Ini memberi peluang dan ruang berlakunya ketidaktelusan dan penyelewengan.

Selain itu, pelantikan kontraktor bagi nilai kerja bawah RM20,000 dibuat oleh Juruterа Air Bahagian atau Daerah dalam kalangan syarikat kontraktor kelas F yang berdaftar di pejabat juruterа tersebut. Kos setiap kerja ditentukan berdasarkan Jadual Kadar Harga (JKH) yang disediakan oleh JANS.

JKH yang disediakan oleh Jawatankuasa Air Bahagian atau Daerah kebiasaannya bermesyuarat dua atau tiga kali setahun.

Bagaimanapun, tiada penetapan tempoh masa khas untuk JKH dikaji semula dan hanya digunakan oleh JANS tanpa dikemukakan ke Kementerian Kewangan Negeri. Perkara tersebut tidak selaras dengan Arahan Perbendaharaan 179 iaitu JKH yang disediakan mestilah disemak atau dikaji oleh jawatan kuasa bebas atau jabatan teknikal berasasian.

Bagi mengawal harga dalam perolehan sebut harga di JANS, BPMP mencadangkan semakan semula dan penambahbaikan ke atas JKH. Susulan cadangan tersebut, Mesyuarat Penyediaan JKH Fasa 1 diadakan pada Mei 2018 bagi menambah baik dan menyemak semula jadual terbaik.

POPULAR

Hasil mesyuarat tersebut, draf JKH telah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Kementerian Kewangan Negeri untuk diluluskan pada Jun 2018. Bagaimanapun, semakan Kementerian Kewangan Negeri mendapati beberapa perkara harus diperbetulkan bersama dokumen sokongan bagi tujuan kelulusan.

Susulan skandal terbaik serta beberapa penambahbaikan dikemukakan oleh BPMP, JANS memubuhkan Unit Integriti (UI) dibawah Pengurusan Sumber Manusia. Penubuhan UI adalah selaras dengan pengusyuran BPMP dalam memperingkatkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti wargaanya.

JANS menyatakan harapan agar pelaksanaan pengkoporatan ke atas Suruhanjaya Air Negeri Sabah dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih telus memandangkan ia akan melalui pengauditan serta pelaporan di setiap sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

Tindakan penambahbaikan oleh JANS berdasarkan cadangan BPMP dalam aspek amalan, sistem dan tatacara kerja dapat mengurangkan risiko berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di samping memastikan pelaksanaan perolehan penyelenggaraan infrastruktur air dilaksanakan lebih jelas dan telus. Sudah pasti, mekanisme semak dan imbang yang diwujudkan mampu memastikan segala polisi, peraturan dan prosedur sentiasa dalam tahap pemaruhan yang terbaik.

Walaupun kes skandal JANS berlaku empat tahun lalu, tugas SPRM tidak terhenti setakat itu sahaja. SPRM masih meneruskan tanggung jawab dalam memastikan budaya rasuah dapat dibanteras di setiap peringkat. Ingin ditegaskan, SPRM bukan sahaja badan yang 'popular' dengan tangkapan dan sitaan semata-mata. Hakikatnya, SPRM akan terus membantu mana-mana golongan, syarikat, jabatan mahupun agensi dalam memberikan penambahbaikan serta pendidikan supaya perlakuan rasuah mampu dihentikan dengan kerjasama semua pihak.

Peranan SPRM khususnya BPMP dalam menyelesaikan skandal air Sabah ini mampu menjadi 'alat unik' yang kuat kepada JANS dalam mengekang jenayah rasuah daripada terus berlebasa. Dengan keseriusan pengurusan tertinggi sekarang dan sokongan padu seluruh wargaanya dalam memerangi rasuah, sudah pasti sejarah hitam yang pernah membelenggu jabatan tersebut tidak akan berulang lagi.

PENULIS ialah Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

TIMBUNAN wang dan barangan kemas yang dirampas oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes rasuah dan penyelewengan pegawai-pegawai Jabatan Air Negeri Sabah pada 2016.

"SPRM akan terus membantu mana-mana golongan, syarikat, jabatan mahupun agensi dalam memberikan penambahbaikan serta pendidikan supaya perlakuan rasuah mampu dihentikan."